




PEKERJA BERSATU RAKYAT MAJU



**Bersatu
Berkarya
Berjaya**



Forum " Kepentingan Alam Sekitar" 2hb Jun MTUC

MESEJ HARI PKERJA 2015

Kita merayakan Hari Mei tahun ini dengan harapan bahawa kita akan terus berjuang dan membina kesatuan sekerja yang lebih kukuh untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di Malaysia.

Cabaran dan halangan akan terus kekal, tiada cabaran maka tiada kesatuan. Oleh itu kita tidak harus putus asa malah teruskan perjuangan kita. Antara isu yang masih menjadi agenda bagi MTUC ialah:

- ⇒ Gaji Minimum Rm1200 dan Peningkatan Ketidaksamaan Pendapatan
- ⇒ Kenaikan harga akibat GST dan COLA RM300
- ⇒ Sistem perhubungan perusahaan harmoni yang tidak harmoni
- ⇒ Union Busting/Sikap anti kesatuan
- ⇒ Pindaan Akta-Memihak kepada Majikan
- ⇒ Perjanjian Perdagangan Perlu Memberi Manfaat kepada Semua
- ⇒ Ratifikasi Konvensyen 87
- ⇒ Hak terhadap Pekerja Asing

Sokongan yang berterusan dari Majlis Am, kesatuan gabungan dan semua ahli kesatuan sekerja telah menjadi inspirasi kuat kepada barisan kepimpinan MTUC untuk meneruskan perjuangan MTUC di negara ini.

Kita perlu bersatu untuk menegakkan hak asasi kaum pekerja di negara ini. Terdapat banyak yang perlu dilakukan dan kami berjanji akan terus perjuangkan hak-hak kaum pekerja dan kesatuan sekerja di negara ini.

Saya menyeru kepada semua pemimpin teruskan sokongan anda bagi kemajuan dan keutuhan MTUC bagi kebaikan bersama.

Hidup Pekerja ! Hidup MTUC! N.Gopal Kishnam, Setiausaha Agung



SAMBUTAN HARI MEI 2015





PIKET oleh National Union of Tobacco



Satu piket susulan telah diadakan di perkarangan British American Tobacco Petaling jaya pada 28hb April 2015 oleh pemimpin-pemimpin MTUC bersama National Union of Tobacco Industry Workers kerana tidak puas hati dengan tindakan pihak berkuasa polis yang telah menahan 11 orang pekerja yang juga ahli kesatuan yang digari serta dikenakan RM700 sebagai wang ikat jamin kerana telah menganjurkan piket pada 23 April 2015.

Turut dalam piket tersebut ialah Presiden MTUC Sdra Mohd Khalid Atan dan Setiausaha Agung Sdra N.Gopal Kishnam yang memberi penerangan kepada pihak media ketidakadilan yang telah diamalkan. Walaupun undang-undang membenarkan pihak kesatuan mengamalkan piket dibawah Akta Perhubungan Perusahaan seksyen 40, namun kesatuan sering mengalami kesukaran untuk menjalankan hak mereka dalam pertikaian perhubungan perusahaan.



Antara isu yang dipertikaikan oleh kesatuan ialah:

- ⇒ Syarikat sengaja memindahkan taraf pekerja biasa kepada pekerja bahagian pengurusan supaya mereka tidak layak menjadi ahli kesatuan.
- ⇒ Pekerja yang enggan menerima tawaran tersebut dibuang kerja.
- ⇒ Faedah yang terkandung dalam Perjanjian bersama awal telah disinggirkan.
- ⇒ Syarikat telah meningkatkan waktu kerja dan mengurangkan bayaran kerja lebih masa (OT).



Sambutan Hari Memperingati Kematian dan kemalangan Pekerjaan (Commemoration Day 28th April 2015)

Sambutan hari **Commemoration day** telah diadakan di MTUC Subang Jaya pada 28hb April 2015. Majlis ini adalah bagi memperingati pekerja-pekerja yang meninggal dunia dan di timpa bencana semasa bekerja. Kita tidak nafikan bahawa ramai pekerja yang telah melalui dan mengalami tragedi ini. Seramai 60 peserta telah menyertai aktiviti ini. Antara tajuk yang dibincangkan ialah DOSH and its role on hazardous substances at workplace oleh IR Roslenda Hassan dari DOSH dan diikuti dengan sesi perbincangan panel tajuk Reducing health effects on workers exposed to hazardous work yang diwakili oleh FMM dan MTUC.





GOLF AMAL BELIA MTUC

LAPORAN KEJOHANAN GOLF AMAL BELIA MTUC 2015

Kejohanan Golf Amal Belia MTUC 2015 dirancang dan telah dilaksanakan dengan jayanya pada 24 Mac 2015 bertempat di Glenmarie Golf & Country Club. Sebanyak lima (5) penyumbang utama yang terdiri daripada Badan-Badan Korporat seperti TNB, PERODUA Sungai Choh Rawang, DRB-HICOM ,GGCC dan penglibatan dari EXCO Kerajaan Negeri Selangor iaitu Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Yang Berhormat Tuan Amiruddin Shaari dan tidak lupa juga individu-individu,orang perseorangan yang menyer-

EXCO Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan Kerajaan Negeri Selangor, En Omar Sidek Pengurus Besar Korporat TNB, Tuan Hj Hamzan Pengurus Sumber Manusia Glenmarie Golf & Country



tai dengan pembelian penerbangan penyertaan sendiri. Seramai 51 orang telah menyertai dan menjayakan Kejohanan Golf Amal Belia MTUC pada kali ini dengan konsep **beriadah sambil beramal**.

Kejohanan Golf Amal Belia MTUC ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Agung MTUC Sdra N.Gopal Krishnam selaku jemputan khas yang turut meriahkan lagi suasana penutup dan penyampaian hadiah Kejohanan oleh YB Dr Yaakob Sapari Timbalan

Club merangkap DRB-HICOM dan Wan Norulazhar Wan Hanafiah Pengerusi Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia Bahagian Selangor.

Program ini juga, sedikit sebanyak dapat membantu mengisi dana Tabung Belia MTUC bagi tujuan perlaksanaan program-program Belia MTUC di masa hadapan, khidmat masyarakat membantu warga pekerja yang ditimpa musibah dan juga membantu pekerja-pekerja diluar untuk menubuhkan serta menjadi ahli Kesatuan.

Diharapkan program ini dapat dijadikan sebagai acara tahunan dan juga dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara warga pekerja dan wakil-wakil Majikan yang terdiri daripada badan-badan Korporat.

disediakan oleh:-

Syamsul Azwan Mustar,
Setiausaha Jawatankuasa Belia MTUC

Timbalan Presiden MTUC
YB Abdullah Sani bersama ahli kesatuan, mengadakan sessi perbicangkaan bagi mengutarakan isu-isu pekerja di Parlimen.





LARIAN PEKERJA MUDA MTUC



Presiden MTUC sdra Khalid b Hj Atan turut hadir bersama-sama PM dan YB Khairy Jamaludin untuk pelepasan larian peserta. Hadiah-hadiah dan cabutan bertuah yang menarik disediakan untuk pemenang. Seorang pelari yang mewakili pekerja swasta dari Kesatuan EIWU, iaitu sdra Moorthy telah memenangi tempat kedua dalam larian 5km.

Tahniah MTUC Selangor diberi tanggungjawab membuka gerai memperkenalkan MTUC dan seterusnya menjadi duta mewakili kaum pekerja khususnya dinegeri Se-

9 Mei Putrajaya - Program Larian Pekerja Muda langor menerangkan "Apa itu Kesatuan" dan peranan dirancang untuk dilaksanakan bagi menyambut bulan Hari Pekerja pada setiap 1 Mei yang dihadiri oleh 1200 pekerja swasta. Tujuan larian ini diadakan adalah untuk merapatkan jurang pekerja profesional dan bukan profesional dari sektor awam dan swasta yang berbilang kaum di negara ini. Program ini juga, sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran bertapa pentingnya kesihatan dan kecerdasan di dalam kehidupan. Kehidupan yang sihat dan cergas dapat membantu mereka menjadi lebih proaktif dan dapat meningkatkan produktiviti mereka di tempat kerja.



Program ini meng-sasarkan golongan pekerja muda yang berumur dari 18 hingga 40 tahun. Mereka mestilah mewakili sektor Awam dan Swasta, terbuka kepada semua pekerja tetap

dan pekerja kontrak sementara dan mestilah warganegara Malaysia. Diharapkan program Larian Pekerja Muda ini dapat memantapkan dan mengeratkan lagi silaturahim antara warga pekerja awam dengan warga pekerja swasta yang berbilang kaum. Larian dibawah 2 kategori 10km dan 5km.

Dilaporkan oleh:

Mohd Khairi b Hj Man

Setiausaha MTUC Bhg Selangor & W.Persekutuan





DI PARLIMEN

Sessi PARLIMEN Penggal ke-3 Parlimen ke-13.

Pertanyaan: Y.B. Tuan Abdulah Sani Bin Abdul Hamid

Soalan : Minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaikkan kadar “**Retirement Benefits**” yang termaktub dalam Akta Kerja 1955.

Jawapan : Di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) tiada termaktub **retirement benefits** tetapi ada menyebut berkenaan **re-trenchment benefit**.

Tambahnya : Kementerian Sumber Manusia sedang membuat kajian holistik pada Akta Kerja 1955. untuk pindaan termasuk perkara yang **berhubung dengan bayaran penamatkan kerja di bawah peraturan-peraturan Kerja** (Faedah-faedah Penamatkan dan Pemberhentian Kerja Sementara)1980.

2. Minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan KSM untuk **memberi cuti bergaji kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam**.

Jawapan: Pada masa ini, Kementerian Sumber Manusia (KSM) belum mewajibkan pemberian cuti bergaji kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam. Walau bagaimanapun isu ini sedang dikaji samada **akan dimasukkan ke dalam peruntukan Akta Kerja 1955 yang sediaada**.

Di samping itu, kementerian ini sentiasa menggalakkan majikan untuk **membayar gaji pekerja sepanjang tempoh bencana atas dasar kemanusiaan** tambahan pula ketidakadiran pekerja ke tempat kerja adalah bukan disengajakan dan ini **tidak boleh dianggap sebagai melanggar kontrak perkhidmatan**.

Namun demikian, kementerian ini sentiasa mengalakkan majikan membuat rundingan dengan pekerja bagi mencapai persetujuan yang membawa kepada situasi menang-menang.



Delegation of Egypt

2 April 2015 - Today is the third day of the visit by the Delegation of Egypt in Malaysia.

The delegation visited MTUC and the Secretary General of MTUC Com. K GOPAL welcomed the delegation in his office followed with a fruitful discussion among both leaders.

The leader of the delegation Vice President Comrade Mohamed Hafez was glad that the Labour Centre is active and has many viable plans in place for the Unions, it's leaders and the workers.

Comrade Mohamed Hafez also mentioned that in Egypt they are also going through the process of privatization and the consolation is 80% of the privatization is controlled by the Government.

In such a move the workers interest are continuously protected, claims the leader of the delegation.

Comrade Gopal welcomes the move by the Government of Egypt and is happy that the Trade Union is happy the majority shareholder is still held by the government.

Secretary General of MTUC also welcomes the visit by a trade union from Middle East which was normally visited by other parts of the world.

This will open a new international workers solidarity between Malaysia and Egypt and the region, says Comrade Gopal The Secretary General





MTUC is concerned about the serious implication of Investor State Dispute Settlement (ISDS) clauses and provisions in the Trans-Pacific Partnership Agreement

Malaysian Trade Union Congress is most concerned about the serious implication of Investor State Dispute Settlement (ISDS) clauses and provisions in the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) and other such agreements and treaties that Malaysia signs. There is a serious concern that once Malaysia is bound by such ISDS clauses, any foreign investor will have the ability to prevent Malaysia from improving the rights and conditions of workers in Malaysia.

Will laws and policies in the future that will require employer to make higher contributions to employment provident funds, social security or some retirement scheme result in some foreign investor taking action against Malaysia in reliance of these ISDS clauses? Will the same also happen if Malaysia requires employers to improve the standard of safety and health in the workplace – providing better protection for workmen? Will Malaysia be able to in the future pass a law requiring private sector employers to also pay Cost of Living Allowances (COLA) to workers just like what public sector workers are getting now?

MTUC have been struggling so that workers in Malaysia, save migrant workers, would be able to enjoy secure regular employment until retirement, and that all forms of precarious employment like short term contractual employment and the contractor for labour system be abolished. Regular employment is essential for the long term security, welfare and wellbeing of the worker and their families. Now, with the ISDS clauses in place, MTUC is most concerned that the government will

be 'hand-tied' with fear of potential million dollar legal action by some foreign investor if it tries to improve the condition of workers in Malaysia.

MTUC calls on the government to be transparent and disclose all agreements before signing for input from an agreement of MTUC, unions and workers. MTUC insist on a guarantee from the government that such ISDS provisions or agreements will not impact the future advancement of worker and trade union rights, and demand that Malaysia should not sign agreements that may have the effect of stagnating or eroding further worker rights in this country.

Kursus Hak Pekerja dan Undang-undang Berkaitan anjuran MTUC bersama Solidarity center

Kursus selama 3 hari dari 12-14hb Mei 2015 telah dihadiri 33 peserta dari pelbagai kesatuan dan pelbagai sektor. Seramai lapan peserta wanita telah menyertai kursus ini. Tajuk-tajuk utama yang dibentangkan ialah Pemahaman Hak dalam Undang-undang dan Amalan, Konvensyen ILO, Cabaran Masakini dalam mengendalikan kes JTK,IR,JHEKS, Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan.

Antara penceramah ialah Sdra Mohd Khalid Atan, Sdra Gopal Kishnam(MTUC),Sdra G.Rajasekaran (MIEU), Sdra Somah(MTUC), Sdra Abdul Halim Mansor(NUPCIW), Sdra A.Sivananthan, Sdra Dauzkaply (Neg. Sembilan) dan Sdra Jey Kumar (AMESU).





CPI for 2014

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Consumer Price Index (2010=100)

2010	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC	%
Malaysia	113.2	113.2	113.2	113.2	113.5	113.7	114.0	114.4	114.7	114.7	115.0	115.5	2
S'jung	113.0	113.0	113.0	113.1	113.3	113.6	113.9	114.2	114.3	114.6	114.9	115.4	2
Sabah	115.1	115.5	115.5	115.5	115.5	115.5	115.8	116.3	116.4	116.7	116.8	117.5	2
Sarawak	113.3	113.5	113.5	113.5	113.6	113.7	113.9	114.4	114.5	114.7	115.0	115.6	2

2011	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC	%
Malaysia	101.8	102.3	102.4	102.6	102.9	103.2	103.4	103.6	103.8	104.0	104.1	104.2	2.4
S'jung	101.8	102.4	102.5	102.7	102.9	103.3	103.5	103.6	103.8	104.1	104.2	104.2	2.4
Sabah	101.8	102.1	102.2	102.4	102.6	102.6	103.0	103.4	103.6	103.7	103.9	104.0	2.2
Sarawak	101.6	102.1	102.1	102.2	102.4	102.5	102.6	102.8	103.0	103.2	103.4	103.5	1.9

2012	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC	%
Malaysia	104.5	104.5	104.5	104.5	104.7	104.8	104.8	105.0	105.2	105.4	105.5	105.5	1%
S'jung	104.6	104.5	104.5	104.4	104.8	104.9	104.9	105.1	105.3	105.4	105.5	105.5	1%
Sabah	104.3	104.4	104.4	104.5	104.4	104.6	104.7	104.9	104.9	105.2	105.3	105.3	1%
Sarawak	103.8	103.9	104.1	104.1	104.1	104.2	104.4	104.4	104.7	104.8	104.9	104.8	1%

2013	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC	%
Malaysia	105.9	106.1	106.2	106.3	106.6	106.7	106.9	107.0	107.9	108.3	108.6	108.9	2.8
S'jung	106.0	106.2	106.3	106.3	106.7	106.8	107.0	107.1	108.0	108.4	108.7	109.0	2.8
Sabah	105.9	106.5	106.7	106.5	106.3	106.4	106.5	106.6	107.6	107.9	108.3	108.3	2.3
Sarawak	105.1	105.3	105.6	105.5	105.7	105.7	106.0	106.4	107.3	107.6	108.0	108.1	2.9

2014	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC	%
Malaysia	109.5	109.8	109.9	109.9	110.0	110.2	110.3	110.5	110.7	111.3	111.9	111.8	2
Bandar	109.7	110.0	110.0	110.0	110.2	110.4	110.5	110.7	110.9	111.6	112.0	112.0	2
Luar bandar	108.9	109.2	109.3	109.3	109.4	109.5	109.7	109.8	110.0	110.6	111.1	111.2	2
S'jung	109.6	109.9	110.0	110.0	110.2	110.4	110.6	110.8	110.9	111.6	112.2	112.1	2.3
Sabah	108.7	109.0	109.0	108.8	108.8	108.8	108.8	108.9	109.0	109.6	110.0	110.0	1.2
Sarawak	108.9	109.1	109.1	109.2	109.0	109.1	109.1	109.3	109.5	110.0	110.5	110.5	1.5

- Bermula dari Julai 2014 indek CPI dilakukan mengikut negeri.

Sumber/ Resource: Jabatan Perangkaan Malaysia/ Department of Statistics Malaysia

How to calculate change CPI: (CPI at End of Period - CPI of Beginning of Period)/ CPI at Beginning of period x 100